

Jambatan ganti Tambak Johor perlu dibincang

JOHOR BAHRU: Kerajaan Malaysia dan Singapura perlu berbincang berhubung projek pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor bagi mengelakkan projek Gerbang Selatan Bersepadu yang menempatkan Kompleks Kastam Imigresen dan Kuarantin (CIQ) yang baru di Bukit Chagar, di sini tidak menjadi projek 'gajah putih'.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau berpendapat kerajaan kedua-dua negara perlu berbincang untuk menyelesaikan perkara berkenaan.

"Saya bukan lagi dalam kerajaan...ketika ini kerajaan kedua-dua negara sedang berbincang untuk menyelesaikan perkara berkenaan dan biarlah kita tunggu hasilnya," katanya ketika ditanya mengenai perkembangan pembinaan jambatan baru yang akan meng-

gantikan Tambak Johor itu.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan tidak rasmi ke Danga Bay, di sini petang semalam.

Hadir sama, isteri beliau Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan isteri, Darin Prof Dr Jamilah Ariffin.

Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan perkembangan dan kemajuan Danga Bay selepas genap setahun dibuka, semalam.

"Walaupun baru, tempat ini cukup indah dan kemajuannya sangat ketara dan mampu membuat keuntungan.

"Saya berharap Danga Bay akan terus menjadi tempat tumpuan pelancong dari luar negara sebagai tempat rekreasi keluarga," katanya.



PENGARAH Limbungan Ekovest Management Sdn Bhd, Datuk Lim Kang Hoo (kanan) mengiringi Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah (dua dari kiri) melawat kawasan pembangunan Danga Bay, di Johor Bahru, semalam. - Gambar oleh Roslan Khamis